

29 MAY 2000

Koh

JKR DIBERI TANGGUNGJAWAB SEDIA 5,500 TEMPAT LETAK KERETA

NIBONG TEBAL, 29 Mei (Bernama) -- Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon hari ini memberikan tanggungjawab besar kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang untuk menyediakan 5,500 petak tempat letak kereta tambahan di sekitar Stadium Negeri Batu Kawan di sini, sebelum malam 3 Jun ini.

Katanya, langkah itu sebagai tambahan kepada 4,500 petak meletak kereta sedia untuk mengurangkan kesesakan yang dijangka berlaku pada malam penutup Sukan Malaysia (Sukma) VIII. Majlis itu akan dilaksanakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Langkah itu untuk mengelakkan kesesakan ketika perasmian serentak acara pembukaan sukan itu dan stadium tersebut oleh Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir pada malam 27 Mei lepas, katanya pada sidang berita di sini.

Menurutnya, kesesakan pada malam itu berlaku kerana peminat sukan itu yang datang ke stadium menggunakan kereta jauh melebihi kapasiti tempat meletak kereta berjumlah 4,500 tempat.

Sekurang-kurangnya 60,000 orang telah memasuki stadium yang mempunyai kapasiti 40,000 tempat duduk itu, katanya.

Koh berkata, antara 20,000 dan 30,000 orang lagi berada di luar stadium dan tidak dapat memasuki stadium dan bilangan itu tidak termasuk mereka yang masih dalam perjalanan.

Beliau berkata, TV2 juga akan mengadakan siaran langsung acara penutup Sukma VIII itu manakala Radio Malaysia Pulau Pinang akan mengumumkan jika stadium itu sudah penuh atau kesemua 50,000 tiket cabutan bertuah habis diedarkan.

Menurutnya, bilangan anggaran kehadiran keseluruhan kira-kira 100,000 orang (di dalam dan luar stadium) merupakan yang terbesar pernah berlaku di kawasan sebelah utara ini dan menyukarkan polis untuk mengawal keadaan.

Mengenai sungutan bahawa makanan yang disediakan kurang memuaskan, Koh berkata, beliau telah membawa perkara itu kepada perhatian Mas Catering yang menyediakan makanan peserta Sukma VIII itu.

"Kami telah meminta Mas Catering untuk memperbaiki sistem penyediaan makanan pada sukan itu," katanya.

-- BERNAMA

AH FAZ